

SYARAT-SYARAT UMUM

1. Pertandingan ini terbuka kepada semua negeri/program/institusi/universiti/sektor kesihatan swasta di Malaysia.
2. Kelayakan projek untuk menyertai **pembentangan poster** adalah berdasarkan kriteria berikut:
 - 2.1 Ia adalah projek penambahbaikan kualiti yang menggunakan pendekatan *Quality Assurance / Quality Improvement*.
 - 2.2 Projek penambahbaikan kualiti yang lengkap (selesai dijalankan/dilaksanakan) yang:
 - a) **Belum pernah dipertandingkan dan/atau memenangi** (tempat pertama, kedua, ketiga atau sebarang anugerah) dalam Konvensyen QA Kebangsaan yang lepas sama ada kategori lisan atau poster; atau
 - b) **Belum pernah memenangi** (tempat pertama, kedua, ketiga atau sebarang anugerah) dalam mana-mana konvensyen/seminar/pertandingan/persidangan di peringkat kebangsaan dalam kategori lisan atau poster; atau
 - c) **Belum pernah** atau **bukan** dalam persediaan untuk **dibentangkan** dalam mana-mana konvensyen/seminar/pertandingan/persidangan di peringkat antarabangsa sebelum tarikh Konvensyen QA Kebangsaan 2026.
 - 2.3 Projek yang didapati melanggar mana-mana syarat di atas akan dibatalkan penyertaan dan pihak urus setia berhak menarik balik sebarang anugerah yang telah diberikan.
3. Bahan projek (abstrak dan poster) boleh disediakan dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.
4. Had pencalonan: Maksimum **sepuluh** pencalonan bagi setiap negeri/ program/ institusi/ universiti/ sektor kesihatan swasta.
 - 4.1 Pencalonan projek daripada program ialah projek-projek penambahbaikan kualiti yang dijalankan merentasi fasiliti (antara hospital dengan hospital dan/atau klinik kesihatan/institusi) sama ada dalam negeri yang sama atau melibatkan pelbagai negeri.
 - 4.2 Pencalonan perlu dipersetujui di peringkat jabatan/negeri/program. Borang persetujuan pencalonan projek QA perlu dimuat naik bersama-sama semasa pendaftaran.

LANGKAH-LANGKAH PENCALONAN

- 5 Pencalonan projek perlu dilengkapi dengan ketiga-tiga item berikut semasa pendaftaran dilakukan:
 - 5.1 **Borang Persetujuan (Lampiran A)**
 - 5.2 **Abstrak** projek mengikut format yang ditetapkan
 - 5.3 **Poster pembentangan** mengikut format dan spesifikasi yang ditetapkan
- 6 Langkah-langkah untuk pencalonan projek (Rajah 1);
 - 6.1 Daftar projek melalui laman sesawang rasmi Konvensyen QA Kebangsaan 2026: <https://qaconvention.nih.gov.my> bermula **9 Februari 2026 hingga 31 Mac 2026**. Pendaftaran selepas 31 Mac 2026 akan ditolak.

- 6.2 Muat turun borang persetujuan (Lampiran A) dan lengkapkan.
- 6.3 Sediakan abstrak projek dengan merujuk kepada Garis Panduan Penyediaan Abstrak Projek QA (Lampiran D) dan templat abstrak (Lampiran E1/E2).
- 6.4 Sediakan poster pembentangan projek mengikut spesifikasi berikut:
 - a. Disediakan atas satu halaman dalam *portrait layout* dengan saiz A0: 1189mm (tinggi) x 841mm (lebar).
 - b. Format PDF (.pdf) dengan saiz fail tidak melebihi 15MB
 - c. Saiz huruf minimum yang dicadangkan adalah saiz 8.
 - d. Animasi bunyi atau video adalah tidak dibenarkan.
- 6.5 Muat naik borang persetujuan, abstrak dan poster pembentangan ke <https://qaconvention.nih.gov.my> sebelum atau pada **31 Mac 2026**.

SARINGAN DAN PEMILIHAN PROJEK

7. Proses pemilihan projek yang akan bertanding di Konvensyen QA Kebangsaan adalah seperti berikut:
 - 7.1 Saringan **pertama** – saringan **abstrak** oleh urus setia.
 - 7.2 Saringan **kedua** – saringan **abstrak** dan **poster** pembentangan projek oleh hakim yang dilantik. Hakim akan memberikan maklumbalas bertulis kepada projek-projek yang disaring, jika berkenaan.
 - 7.3 Pemakluman keputusan saringan kedua bagi projek layak bertanding dalam Konvensyen QA Kebangsaan Kali Ke-13, 2026 selewat-lewatnya pada **13 Mei 2026**.
 - 7.4 **Maksimum 50** projek bagi kategori poster akan dipilih daripada saringan kedua untuk dipertandingkan di Konvensyen QA Kebangsaan kali Ke-13, 2026.

PROSES LANJUT BAGI PROJEK YANG TERPILIH

8. Abstrak bagi projek yang melepasi saringan kedua akan melalui proses semakan. Pihak penulis perlulah memberikan kerjasama penuh dalam proses penambahbaikan abstrak.
9. Semua projek yang terpilih untuk bertanding dalam Konvensyen QA Kebangsaan Kali Ke-13, 2026 perlu menghantar perkara berikut melalui laman sesawang <https://qaconvention.nih.gov.my>. Jumlah saiz fail yang dimuat naik hendaklah tidak melebihi 100MB.
 - 9.1 *Write-up* projek menggunakan templat (rujuk Lampiran E1/E2) dan berpandukan garis panduan (rujuk Lampiran D) sebelum **11 Ogos 2026**.
 - 9.2 *Soft copy* poster **yang muktamad** format PDF (.pdf) sebelum atau pada **11 Ogos 2026**. **Sebarang perubahan adalah tidak dibenarkan** selepas tarikh yang ditetapkan.
10. Sesi pra-penghakiman akan dilaksanakan pada **17 – 20 Ogos 2026**.

HAK MILIK BAHAN PEMBENTANGAN

11. Abstrak, *write-up* dan poster yang dihantar untuk penyertaan konvensyen ini akan menjadi hak milik pihak penganjur dan boleh digunapakai untuk tujuan latihan atau perkongsian dalam mana-mana platform. Penghantaran projek untuk penyertaan dalam konvensyen ini bermaksud semua penulis adalah bersetuju dengan syarat ini.

PEMBENTANGAN SEMASA HARI KONVENSYEN

12. Garis panduan **pembentangan poster** semasa konvensyen:
 - 12.1 Poster hendaklah disediakan seperti di Rajah 2. **Pastikan nombor giliran dinyatakan di bahagian atas kiri poster.**

- 12.2 Poster akan ditayangkan dalam bentuk fizikal. Peserta perlu membawa poster dalam bentuk hardcopy pada hari pendaftaran. Poster yang dibawa semasa Konvensyen mestilah sama seperti e-poster yang dimuat naik bagi sesi pra-penghakiman (item 9.2 dan 10.0).
- 12.3 Velcro untuk tujuan menampal poster pada papan panel tidak disediakan oleh pihak penganjur. Sila bawa pita pelekat/Velcro/pita akrilik/klip binder untuk kegunaan menampal poster. Penggunaan paku/stapler/gam atau sebagainya yang akan merosakkan papan panel adalah tidak dibenarkan.
- 12.4 Hanya seorang pembentang sahaja yang dibenarkan bagi setiap projek.
- 12.5 Sesi soal jawab adalah selama 7 minit sahaja bagi setiap projek.
- 12.6 **Kriteria penghakiman** adalah seperti dalam Lampiran F.
- 12.7 Keputusan hakim adalah muktamad.

PERTANYAAN LANJUT


13. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi pihak penganjur melalui e-mel ataupun nombor telefon:

Pembentangan Poster:

Pn Khalidah Maruan

(qasecretariat@moh.gov.my)

Tel: 03-3362 8548



Rajah 1: Carta alir pencalonan projek (kategori poster) untuk Konvensyen QA Kebangsaan Kali ke-13, 2026

← 841mm →

No. Giliran (projek yang berjaya ke peringkat akhir sahaja)	Tajuk projek Penulis (gariskan nama pembentang) Afiliasi penulis	Logo institusi
- Poster boleh disediakan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris - Poster hendaklah mempunyai elemen-elemen mengikut turutan berikut bersesuaian dengan kandungan abstrak yang dihantar untuk penyertaan: - Pemilihan Peluang untuk Penambahbaikan - Pengukuran Utama Penambahbaikan - Proses Pengumpulan Maklumat - Analisis dan Interpretasi - Strategi Penambahbaikan - Kesan Penambahbaikan - Langkah Seterusnya - Poster hendaklah disediakan dengan mematuhi format berikut: - Disediakan atas satu halaman sahaja dalam <i>portrait layout</i> bersaiz A0 - Menggunakan jenis huruf yang mudah dibaca seperti Arial, Times New Roman dan lain-lain - Saiz huruf hendaklah mudah dibaca dari jarak 6 kaki		
Penghargaan/Rujukan mengikut kesesuaian		

Poster ini dibentangkan di Konvensyen QA Kebangsaan Kali ke-13, 1-3 September 2026, Kuala Lumpur

↑ 1189mm ↓

Rajah 2: Templat poster mengikut format yang ditetapkan